



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA

Tel: 03-8000 8000  
Faks: 03-8889 5542  
Email: anhisam@moh.gov.my

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : KKM.600-29/4/146 Jld. 8 (92)  
Tarikh : 17 Disember 2020

## Senarai Edaran

*YBhg. Datuk / Dato' Indera / Dato' / Datin / Tuan / Puan,*

### **PERUBAHAN PROSEDUR SARINGAN KESIHATAN, UJIAN COVID-19 DAN KUARANTIN KEPADA PENGEMBARA WARGA NEGARA DAN BUKAN WARGA NEGARA YANG BARU TIBA DI MALAYSIA DARI LUAR NEGARA**

Dengan hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara di atas dan surat Ruj: KKM.600-29/4/146 Jld. 8 (84) bertarikh 14 Disember 2020 adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa dengan mengambil kira situasi COVID-19 di Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah membuat semakan semula ke atas prosedur saringan kesihatan, ujian COVID-19 dan tempoh kuarantin kepada pengembara yang tiba di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Negara dari luar negara.

3. Sehubungan dengan itu, KKM memohon YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan untuk memastikan semua Pegawai Kesihatan di PMA atau Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) melaksanakan perkara-perkara di bawah ini:-

- i. Memastikan keputusan ujian pengesanan RT-PCR COVID-19 yang dibawa oleh pengembara semasa ketibaan di PMA adalah negatif. (Pengembara dikehendaki untuk menjalani ujian RT-PCR COVID-19 tiga (3) hari sebelum berlepas ke Malaysia); manakala bagi pengembara yang tiada laporan

ujian RT-PCR COVID-19, ujian swab RT-PCR COVID-19 semasa ketibaan di PMA perlu dijalankan.

- ii. Memastikan pengembara memuat turun dan mengisi deklarasi kesihatan dalam aplikasi MySejahtera;
- iii. Memastikan pengembara mengimbas *QR Code* “Pengembara dari Luar Negara” dengan menggunakan aplikasi MySejahtera semasa ketibaan di PMA;
- iv. Menjalankan penilaian kesihatan kepada semua pengembara yang tiba di PMA;
- v. Merujuk pengembara yang mengalami **gejala teruk** ke hospital;
- vi. Pengembara yang **bergejala ringan** perlu dijalankan ujian RTK-Antigen. Sekiranya positif, *buffer solution* dihantar ke makmal untuk ujian PCR. Pengembara ini hendaklah dihantar ke stesen kuarantin yang ditetapkan. Fi ujian COVID-19 ditanggung oleh pengembara;
- vii. Pengembara dengan RTK-Ag COVID-19 positif dan ujian RT-PCR COVID-19 positif hendaklah dirujuk kepada Pakar Perubatan Penyakit Berjangkit;
- viii. Mengeluarkan perintah pengawasan dan pemerhatian (*Home Surveillance Order – HSO: Annex 14*) dan memasang *wristband* kepada pengembara di PMA. Pengembara ini akan dipanggil sebagai *Person Under Surveillance (PUS)*;
- ix. PUS yang menunjukkan laporan ujian RT-PCR COVID-19 negatif dikehendaki menjalani kuarantin wajib selama **tujuh (7) hari**, manakala PUS yang tiada laporan ujian RT-PCR COVID-19 perlu dijalankan ujian ini semasa ketibaan dan jika laporan ujian negatif, dikehendaki menjalani kuarantin wajib selama **10 hari**;

- x. Menasihati PUS untuk membuat penilaian sendiri setiap hari melalui *Home Assessment Tool* dalam aplikasi MySejahtera dan aktiviti ini perlu diteruskan sehingga 14 hari dari tarikh ketibaan; dan
- xi. Menjalankan swab ujian RTK-Ag atau RT-PCR COVID-19 kepada PUS pada hari ke-5 (*Day 5*) tempoh kuarantin bagi yang mempunyai laporan ujian RT-PCR COVID-19 dan hari ke-8 (*Day 8*) bagi yang tiada laporan ujian semasa ketibaan di PMA. Jika keputusan ini adalah negatif, pelepasan perintah pengawasan & pemerhatian (*release order - RO*) akan diberikan pada hari ke-7 (*Day 7*) bagi yang mempunyai laporan ujian RT-PCR COVID-19 dan hari ke-10 (*Day 10*) bagi yang tiada laporan ujian.


4. Adalah dimaklumkan bahawa arahan ini berkuatkuasa mulai 15 Disember 2020. YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dimohon untuk memaklumkan perkara ini dengan kadar segera kepada pegawai kesihatan dan anggota kesihatan yang berkaitan, di bawah seliaan masing-masing. Bersama-sama ini disertakan carta alir kemasukan pengembara dari luar negara seperti dalam Lampiran 1 dan Lampiran 2 sebagai rujukan.

5. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam melaksanakan perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

*Saya yang menjalankan amanah,*

  
(TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH)

s.k.

Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (PS&T)  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Pengarah Kanan  
Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM

Pengarah  
Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

Pengarah  
Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

Pengarah  
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM

Pengarah  
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, KKM

Pengarah  
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan

Pengarah  
Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

Setiausaha Sulit Kanan kepada YB Menteri Kesihatan Malaysia

Setiausaha Sulit Kanan kepada YB Timbalan Menteri Kesihatan I

Setiausaha Sulit Kanan kepada YB Timbalan Menteri Kesihatan II

## **SENARAI EDARAN**

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis  
Jalan Raja Syed Alwi,  
01000 Kangar, Perlis Indera Kayangan

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah  
Simpang Kuala, Jalan Kuala Kedah,  
05400 Alor Setar, Kedah Darul Aman,

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang  
Tingkat 35 & 37, KOMTAR  
10590 Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Perak  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab  
30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor  
Tingkat 9, 10 & 11, Wisma Sunwaymas  
Lot 1, Jalan Persiaran Kayangan  
Selangor Darul Ehsan

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur  
Jalan Cenderasari, 50590 Kuala Lumpur

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan  
Jalan Rasah, 70300 Seremban  
Negeri Sembilan Darul Khusus

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka  
Tingkat 3, 4 dan 5, Wisma Persekutuan,  
Jalan Business City, Bandar MITC,  
75450 Ayer Keroh, Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Johor  
Tingkat 3 & 4 Blok B, Wisma Persekutuan  
Jalan Air Molek, 80590 Johor Darul Takzim

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang  
Jalan IM4, Bandar Indera Mahkota,  
25582 Kuantan, Pahang Darul Makmur

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan  
Tingkat 5, Wisma Persekutuan  
15590 Kota Baharu, Kelantan Darul Naim

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu  
Tingkat 5, Wisma Persekutuan  
Jalan Sultan Ismail 20920 Kuala Terengganu  
Terengganu Darul Iman


Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah  
Tingkat 3, Rumah Persekutuan  
Jalan Mat Salleh, 88590 Kota Kinabalu , Sabah


Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak  
Jalan Tun Abang Haji Openg  
93590 Kuching, Sarawak

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan WP Labuan  
Peti surat 80832,  
87018 Wilayah Persekutuan Labuan

Pengarah  
Hospital Kuala Lumpur  
23, Jalan Pahang  
50586 Kuala Lumpur

### CARTA ALIR PENGURUSAN PENGEMBARA YANG MASUK KE MALAYSIA DARI LUAR NEGARA DENGAN KEPUTUSAN RT-PCR COVID-19





Ada

Gejala semasa kuarantin

Tiada

Sederhana atau teruk

Masuk Hospital

Penilaian keterukan gejala

Ringan

Ambil swab RT-PCR

Negatif

Keputusan

Positif

Masuk PKRC

\* ikut garis panduan di PKRC

Positif

Negatif

Keputusan

- Pelepasan kuarantin pada **hari ke-7**
- Keluarkan Perintah Pelepasan daripada Pengawasan dan Pemerhatian (Annex 17a)
- Gelang pengawasan dipotong

- Teruskan penilaian sendiri sehingga **hari ke-14** menggunakan HAT
- Sekiranya bergejala, dapatkan rawatan di fasiliti kesihatan berhampiran



**CARTA ALIR PENGURUSAN PENGEMBARA YANG MASUK KE MALAYSIA DARI LUAR NEGARA TANPA KEPUTUSAN RT-PCR COVID-19**

